

10 APR 1996

Mahathir- Konvensyen

SUKAN BUKAN LAGI PERTANDINGAN SEMATA-MATA, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 10 April (Bernama) -- Bidang sukan sekarang menjadi semakin penting kerana ia bukan lagi satu pertandingan sukan semata-mata malah sebagai pengukur kejayaan dan kemajuan sesebuah negara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, sukan sudah menjadi petunjuk kepada identiti, imej dan maruah sesuatu bangsa dan negara, justeru itu ia harus diletakkan di tempat yang sewajarnya.

"Tugas inilah yang harus difahami dan dipikul oleh ahli-ahli sukan negara kita," kata beliau menerusi kata-kata aluan sempena Konvensyen Sukan Kebangsaan yang bermula di sini esok.

Dr Mahathir akan merasmikan konvensyen tiga hari itu esok yang bertujuan mengumpulkan semua pendokong sukan negara bagi merumuskan satu model yang terbaik yang sesuai untuk membangunkan sukan tanah air.

Sebanyak 267 peserta yang mewakili persatuan-persatuan sukan kebangsaan, kerajaan negeri, majlis-majlis sukan, agensi-agensi kerajaan, ahli akademik, korporat, ahli sukan dan media akan mmenghadiri konvensyen itu.

Dr Mahathir berkata penekanan harus diberikan kepada pembentukan disiplin, fizikal dan mental yang mantap setiap ahli sukan negara.

Selain itu, strategi dan teknik permainan sukan yang rapi hendaklah sentiasa dirangka agar ahli sukan negara sentiasa mampu meraih kemenangan dalam setiap perlawanan, kata beliau.

Dr Mahathir juga berkata para pemimpin sukan, pengurus dan pegawai sukan harus turut memainkan peranan masing-masing dengan penuh dedikasi, amanah dan jujur demi kejayaan negara.

"Mereka harus mengetepikan perkara-perkara yang boleh merosakkan sukan di negara ini," kata Perdana Menteri.

Beliau berharap konvensyen ini akan dapat membincangkan perkara-perkara yang dapat memantapkan lagi bidang sukan negara, sambil menambah kata kita harus ingat tidak lama lagi Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Sukan Komanwel 1998.

Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata satu model yang sesuai untuk dilaksanakan di negara ini perlu dicari kerana pencapaian sukan negara masih belum boleh dibanggakan secara keseluruhannya.

"Saya juga percaya sistem yang ada masih ada kekurangan kerana sering dibendung masalah dari semasa ke semasa," kata beliau.

Katanya, konvensyen ini telah dirancang dan dirangka dengan sebegitu rupa supaya ianya dapat merangkumi segala aspek penting pembangunan sukan negara.

Melalui penggemblengan idea di konvensyen ini, satu resolusi yang baik dan berkesan dapat dicapai yang memberi hala tuju program serta rancangan pembangunan sukan negara untuk masa hadapan, kata beliau.

"Semoga ini berjaya memberi penyelesaian kepada masalah dan kekurangan yang kita hadapi selama ini," kata Muhyiddin. -- Bernama.

AR AHH